




## "BERFIKIRLAH SEBELUM BUAT".1

<p>2</p> <p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: أَمَّنْ هَذَا الَّذِي يَرْزُقُكُمْ إِنْ أَمْسَكَ رِزْقَهُ، بَلْ لَجُّوا فِي عُتُوِّ وَنُفُورٍ<sup>1</sup> ﴿٦٧﴾</p>	<p>2</p>
<p>3</p> <p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.</p>	<p>3</p>
<p>4</p> <p>أَرْسَلَهُ عَزَّ وَجَلَّ بَيْنَ يَدَيِ السَّاعَةِ بَشِيرًا وَنَذِيرًا وَدَاعِيًا إِلَى اللَّهِ بِإِذْنِهِ وَسِرَاجًا مُنِيرًا، فَأَدَّى الْأَمَانَةَ، وَبَلَغَ الرِّسَالَةَ، وَجَاهَدَ فِي سَبِيلِ رَبِّهِ حَتَّى أَتَاهُ الْيَقِينُ،</p>	<p>4</p>
<p>5</p> <p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	<p>5</p>
<p>6</p> <p>قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا ﴿٧٠﴾ يُصْلِحْ لَكُمْ أَعْمَالَكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَمَنْ يُطِيعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ فَازَ فَوْزًا عَظِيمًا<sup>2</sup> ﴿٧١﴾</p>	<p>6</p>
<p><b>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</b></p> <p>Saya mengingatkan diri saya dan tuan-tuan agar terus menerus menggilap taqwa kepada Allah dengan menambah rasa takut dan gerun jika melanggar titah perintah-Nya disamping meningkatkan ketaatan untuk mendapatkan keampunan dan keredhaan Allah SWT.</p>	<p>7</p>
<p>Dalam detik-detik penumpuan yang sepenuhnya ini serta kesediaan yang tulus, marilah kita menumpukan perhatian terhadap khutbah hari ini yang bertajuk "<b>BERFIKIRLAH SEBELUM BUAT</b>".</p>	<p>8</p>
<p><b>Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,</b></p> <p>Nun di sebatang lorong, di tengah-tengah sebuah bandar di negeri Syam, kelihatan segerombolan manusia sedang mengerumuni seorang lelaki, lelaki yang berwajah jernih, tenang dan terbayang darinya tanda-tanda khusyuk dan tawadhu'.</p> <p>Siapakah lelaki yang dikerumuni itu? Beliau adalah seorang ahli sufi yang terkenal soleh dan zuhud bernama Ibrahim bin Adham yang meninggal pada tahun 165H. Ramai orang mengerumuninya bagaikan ada sesuatu yang menakjubkan. Sebenarnya</p>	<p>9</p>

<sup>1</sup> Mulk 67 : 21

<sup>2</sup> Al-Ahzab 33 : 70-71

<p>pemandangan seperti ini bukanlah suatu yang aneh, kerana sudah menjadi budaya sejak zaman permulaan Islam lagi, dimana sahaja ada orang 'alim atau orang soleh maka disitulah mereka akan berkerumun bagaikan semut menghurung gula. Apakah yang mereka mahu sehingga bagitu sekali layaknya?. Jawabannya, mereka mahu bertanya sesuatu berkaitan agama atau ingin meminta nasihat dan panduan untuk menempuh kehidupan atau ingin mengambil barakah dengan mendampingi orang-orang soleh.</p>	
<p><b>Hadirin yang dirahmati Allah,</b></p> <p>Perkara yang sama pernah berlaku kepada Rasulullah, dimana Baginda didatangi oleh seorang lelaki dan bertanya dengan suatu soalan yang tidak pernah terbayang dalam benak setiap orang dari kita, apakah soalan itu?, soalnya ialah: "Ya Rasulullah bolehkah saya melakukan zina?", pertanyaan yang menyebabkan para sahabat di sekeliling Rasulullah menghalaunya tetapi Rasulullah tidak keberatan menjawab soalan tersebut lalu bersabda "Jika seseorang minta berzina dengan ibumu adakah kamu rela?". Jawab lelaki itu: "Tidak sekali-kali wahai Rasulullah". "Jika seseorang minta berzina dengan anak perempuanmu adakah kamu rela?". Jawab lelaki itu: "Tidak juga wahai Rasulullah!", "jika seseorang minta berzina dengan saudara perempuanmu adakah kamu rela?". Jawab lelaki itu: "Pastinya tidak wahai Rasulullah!. Terus jika seseorang minta berzina dengan mak saudaramu adakah kamu rela?". Jawab lelaki itu: "Jika engkau kerat-kerat badan saya sekali pun saya tetap tidak akan benarkan wahai Rasulullah".</p>	10
<p>Nabi pun berdoa dengan doa berikut:</p> <p style="text-align: center;"><b>اللَّهُمَّ اغْفِرْ ذَنْبَهُ وَطَهِّرْ قَلْبَهُ وَحَصِّنْ فَرْجَهُ</b></p> <p><i>"Ya Allah! Ampunkan dosanya, bersihkanlah hatinya dan peliharalah kemaluannya".</i></p>	11
<p>Demikianlah jawapan dan doa Rasulullah sebagai seorang kaunselor dan da'ie bahkan seorang Rasul pembawa rahmat keseluruh alam, jawapan dan doa yang halus menusuk kalbu lelaki itu, hingga tidak pernah terlintas lagi dalam benaknya untuk melakukan perbuatan terkutuk itu lagi.</p>	12
<p>Kembali kepada kisah Ibrahim bin Adham, dengarkanlah soalan-soalan yang dikemukakan kepada beliau: "Wahai Ibrahim! tolonglah saya, saya sering melakukan maksiat dan saya tidak mampu menahan diri saya dari melakukannya, nasihatilah saya". Ibrahim menjawab "Anda terlebih dahulu mesti menjawab lima soalan dari saya sebelum anda meneruskan keinginan anda".</p> <p>"Apakah soalan-soalan itu wahai Ibrahim?", desak pemuda tersebut. "Pertama, dengarkan wahai anda yang bertanya: Jika anda ingin melakukan maksiat kepada Allah, jangan sama sekali anda makan rezeki kepunyaan-Nya". Lelaki tersebut merungut-rungut lalu berkata: "Darimana pula saya akan perolehi rezeki sedangkan semua yang ada di atas muka bumi ini adalah kepunyaan Allah?" Ibrahim membidas katanya: "Adakah layak kamu melakukan maksiat terhadapnya sedangkan kamu makan dari rezeki yang ia berikan?". Jawab lelaki itu: "Sama sekali tidak wahai Ibrahim".</p> <p>"Apa pula soalan yang kedua wahai Ibrahim?". Ibrahim berkata: "Jika anda ingin melakukan maksiat, jangan kamu tinggal di atas muka bumi Allah". Lelaki itu merungut lagi, "Apa ini wahai Ibrahim, yang ini lagi teruk dari yang pertama tadi, dari timur hingga</p>	13

<p>ke barat bumi ini semua kepunyaan-Nya, maka dimana saya akan tinggal?". Lantas Ibrahim menyangkal, katanya: "Wahai saudara! adakah patut anda diberi tinggal di bumi-Nya dan makan dari rezeki yang ia kurniakan kemudian anda menderhaka kepadanya?". Jawab lelaki itu "Sama sekali tidak wahai Ibrahim".</p> <p>Apakah pula soalan yang ketiga? Ibrahim berkata: "Jika anda ingin melakukan maksiat kepada-Nya, cuba-cubalah anda mencari tempat lain untuk melakukan maksiat supaya tidak nampak sangat anda menentang-Nya". Lelaki itu berkata: "Wahai Ibrahim! Bagaimana saya boleh berbuat seperti itu sedangkan Allah nampak segala yang tersembunyi hatta terlintas di dalam hati". Ibrahim berkata: "Wahai saudara yang bertanya, adakah patut engkau makan dari rezki yang Allah sediakan dan tinggal di atas bumi kepunyaan-Nya lalu kamu melakukan maksiat kepadanya sedangkan la melihatmu dengan jelas tanpa terlindung sedikitpun?". Lelaki itu menjawab: "Tidak wahai Ibrahim, sila teruskan soalan yang ke empat.</p> <p>Ibrahim berkata soalan yang ke empat ialah: "Ketika malaikat maut datang untuk mencabut nyawamu bolehkah kamu berkata kepadanya: mohon jangan cabut nyawa saya sekarang wahai tuan, beri peluang agar saya dapat bertaubat dan mengerjakan amalan soleh?". Jawab lelaki itu: "Dia pasti tidak akan menerima permohonan saya dan tidak akan menangguhkan tempoh ajal saya". Ibrahim berkata "Wahai saudara yang bertanya, apakah jika kamu tidak dapat mengelak dari ajal kematian untuk kamu bertaubat, sedangkan kamu tahu bahawa apabila ajal kematian itu sudah sampai maka tiada kompromi lagi, maka bagaimanakah anda dapat melepaskan diri anda?"</p> <p>Tanya lelaki itu lagi: "Apakah soalan yang akhir wahai Ibrahim? saya sudah tidak sanggup lagi mendengarnya". Ibrahim Adham menjawab: "Pada hari kiamat nanti ketika malaikat Zabaniah datang hendak mengheret kamu ke Neraka, bolehkah kamu membantah dan melawannya?". Dengan gementar lelaki itu menjawab: "Saya tidak akan mampu wahai Ibrahim!". Ibrahim Berkata: "Wahai saudara yang bertanya bagaimanakah kamu akan terlepas dari seksaan Allah?" Lelaki itu berkata: "Cukuplah wahai Ibrahim! cukuplah! saya tidak akan meneruskan perbuatan keji saya dan saya memohon ampun kepada Allah dan bertaubat kepada-Nya".</p>	
<p>Demikianlah satu episod dari kehidupan suasana masyarakat yang sentiasa berdamping dengan orang-orang soleh, para ulama dan siddiqin. Ia adalah gambaran yang bertepatan dengan firman Allah dalam surah al-Taubah ayat 119:</p> <p style="text-align: center;">          يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ     </p> <p><i>"Wahai orang yang beriman! bertaqwalah kepada Allah dan hendaklah kamu berserta orang-orang yang benar".</i></p>	14
<p><b>Muslimin sekalian,</b></p> <p>Mengakhiri khutbah kali ini marilah kita menelusuri dan menggali tausiah dan pesanan dari khutbah ini.</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Umat Islam wajib meyakini bahawa apa yang kita lakukan di sepanjang hidup ini adalah pertarungan yang direkodkan dan bakal dihisab secara halus dan terperinci.</li> </ol>	15

<p>2. Umat Islam hendaklah ingat bahawa tiada siapa pun yang akan hidup selamanya menongkat langit tanpa disudahi dengan kematian.</p>	
<p>3. Umat Islam hendaklah berfikir masak-masak sebelum melakukan sesuatu perkara termasuklah dalam perkara maksiat.</p> <p>4. Keyakinan kepada Hari kiamat, kehidupan di alam barzakh, mizan timbangan amalan, menyeberangi sirat dan balasan syurga atau neraka mesti sentiasa berada dalam benak setiap muslim agar hidupnya mendapat keredhaan Allah.</p>	16
<p style="text-align: center;">أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ</p> <p style="text-align: center;">وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنِ افْتَرَى عَلَى اللَّهِ كَذِبًا أَوْ كَذَّبَ بِالْحَقِّ لَمَّا جَاءَهُ ۗ أَلَيْسَ فِي جَهَنَّمَ مَثْوًى لِّلْكَافِرِينَ ﴿٦٨﴾</p> <p style="text-align: center;">وَالَّذِينَ جَاهَدُوا فِينَا لَنَهْدِيَنَّهُمْ سُبُلَنَا ۗ وَإِنَّ اللَّهَ لَمَعَ الْمُحْسِنِينَ ﴿٦٩﴾</p>	17
<p style="text-align: center;"><i>“Dan tidaklah ada yang lebih zalim daripada orang yang mereka-reka perkara dusta terhadap Allah, atau mendustakan kebenaran setelah kebenaran itu disampaikan kepadanya. Bukankah telah diketahui bahawa dalam neraka Jahannam disediakan tempat tinggal bagi orang-orang yang kafir....</i></p>	18
<p style="text-align: center;"><i>...Dan orang-orang yang berusaha dengan bersungguh-sungguh kerana memenuhi kehendak agama Kami, sesungguhnya Kami akan memimpin mereka ke jalan-jalan Kami yang menjadikan mereka bergembira serta beroleh keredaan; dan sesungguhnya pertolongan dan bantuan Allah adalah berserta orang-orang yang berusaha membaiki amalannya”.</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(al-Ankabut : 68-69).</i></p>	19
<p style="text-align: center;">بَارِكْ اللَّهُ لِيْ وَلِكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ</p> <p style="text-align: center;">وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	20
<p style="text-align: center;">أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلِكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ</p> <p style="text-align: center;">إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ</p>	21

## KHUTBAH KEDUA.22

23	<p>أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.</p>
24	<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>
25	<p><b>Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,</b> Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dan menyedari bahawa...</p>
26	<p>...Islam mengajar kita supaya bersikap sederhana dalam segala amalan. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan...</p>
27	<p>...keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam.</p>
28	<p>Oleh itu marilah kita sentiasa memperbanyakkan selawat dan salam ke atas Nabi kita Muhammad SAW. Firman Allah SWT:</p>
29	<p>إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.</p>
30	<p>اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.</p>
31	<p>اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَذِلَّ الشِّرْكَ وَالْمُشْرِكِينَ، وَالْكَفْرَ وَالْكَافِرِينَ، وَالنِّفَاقَ وَالْمُنَافِقِينَ، وَالْيَهُودَ فِي فَلَسْطِينَ. اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي بОРМА، وَفِي فَلَسْطِينَ وَفِي سُورِيَا وَفِي كُلِّ مَكَانٍ.</p>
32	<p>اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ بَعِيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ،</p>

<p>سُلْطَانُ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزیز شاه الحاج. اللَّهُمَّ اَدِمِ الْعُونََ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاحُورِ، تَغْكَو اَمِيرِ شَاهِ اِبْنِالسُّلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج</p>	33
<p>فِي اَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَتَكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلِعْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمَوْظَفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدٰى وَالرَّشَادِ.</p>	34
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat,...</p>	35
<p>...sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebijakan...</p>	36
<p>...dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini. Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan...</p>	37
<p>...pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, terimalah amalan soleh kami, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia,...</p>	38
<p>...satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, lindungilah kami daripada bala bencana...</p>	39
<p>...dan peliharalah kami daripada ajaran sesat seperti Syiah, Qadyani, dan lain-lain ajaran yang difatwakan menyeleweng dari ajaran Islam atau bertentangan dengan...</p>	40
<p>...pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Ya Allah bukanlah hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, ...</p>	41
<p>... mewakaf dan menginfaqqan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.</p>	42
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ اَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ اَعْيُنٍ وَاَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِيْنَ اِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْاٰخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ اللهِ،</p>	43
<p>اِنَّ اللهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْاِحْسَانِ وَاِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُوْنَ ﴿٥١﴾</p>	44
<p>فَاذْكُرُوا اللهَ الْعَظِيْمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوْهُ عَلٰى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاَسْأَلُوْهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيْكُمْ وَلَذِكْرُ اللهِ اَكْبَرُ وَاللهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُوْنَ.</p>	45